

**TEKS PERUTUSAN KHAS
TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH
BERSEMPENA DENGAN HARI JADI RASMI KE-69
PADA 01 OKTOBER 2022**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil Alamin Wabihi Nasta'in

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan

Salam Sejahtera.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, maka kita dapat bersama-sama lagi dalam Majlis Sambutan Hari Jadi Rasmi saya yang ke-69. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada tuan-tuan

dan puan-puan serta semua yang terlibat dalam menjayakan majlis sambutan pada pagi ini.

2. Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kesihatan saya sentiasa terpelihara serta dipanjangkan usia sehingga kita semua dapat berhimpun dan bersama-sama merasai suasana penuh istiadat di upacara yang sangat bermakna pada hari ini. Sesungguhnya, majlis ini merupakan satu penghormatan kepada saya, sekaligus menunjukkan kesetiaan tidak berbelah bahagi terhadap negeri Sabah dan negara kita Malaysia.

Para Hadirin Sekalian,

3. Kita telah menyambut Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2022 dan seterusnya Hari Malaysia pada 16 September 2022 yang lalu. Kehadiran ribuan rakyat

yang membanjiri Padang Merdeka Kota Kinabalu dan acara-acara sambutan di daerah-daerah membuktikan semangat patriotisme kekal utuh di kalangan rakyat. Dua peristiwa bersejarah ini sememangnya amat signifikan untuk diraikan supaya kita dapat bersama-sama menghayati sejarah, makna perpaduan, kesatuan dan pengorbanan. Pemahaman dan penghayatan ke atas peristiwa-peristiwa bersejarah ini amat penting bagi memupuk sikap bertanggungjawab untuk menjaga hak dan kedaulatan, seterusnya mewujudkan kestabilan dan kesejahteraan negara kita.

Para Hadirin Sekalian,

TANGGUNGJAWAB DALAM FASA ENDEMIK

4. Walaupun negara kini memasuki fasa peralihan ke endemik dalam mengekang penularan COVID-19,

namun masyarakat diingatkan supaya sentiasa mengambil langkah-langkah kawalan dan pencegahan khususnya pematuhan ke atas nasihat yang dikeluarkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Kerajaan secara berterusan telah memperkasakan rakyat dengan pengetahuan tentang pencegahan penularan COVID-19. Oleh itu, semua pihak sudah tentu telah mempunyai kesedaran, kebertanggungjawaban serta mengambil langkah-langkah sepatutnya dalam melindungi diri, keluarga dan masyarakat daripada mendapat jangkitan.

LANGKAH PEMULIHAN SEMUA SEKTOR

5. Aktiviti ekonomi dan sosial yang semakin rancak serta ketibaan pelancong yang semakin meningkat pada ketika ini merupakan indikator pemulihan dan pertumbuhan positif semua sektor yang telah terkesan

oleh wabak COVID-19. Langkah-langkah pemulihan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah memberi kesan positif kepada negeri ini. Inisiatif ini turut didukung dengan pelbagai usaha dan kerjasama berterusan oleh semua pihak termasuk individu, sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan dan syarikat-syarikat berkepentingan kerajaan bagi memastikan semua sektor dapat dipulihkan lebih cepat. Justeru, saya menyeru seluruh lapisan masyarakat untuk terus bekerjasama dan menyemarakkan semangat perpaduan sebagai tunjang dalam memakmurkan negeri Sabah yang tercinta ini.

Para Hadirin Sekalian,

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

6. Dalam menghadapi cabaran mendatang,

penekanan perlu terus diberi kepada pembangunan modal insan, yang disemai dengan nilai kerohanian dan akhlak terpuji, khususnya golongan belia. Modal insan yang berkualiti, berkemahiran, kreatif dan inovatif merupakan kunci bagi membentuk sebuah masyarakat berdaya tahan dalam menangani apa juga cabaran.

7. Dalam usaha menangani cabaran getir semasa pandemik COVID-19 misalnya, inovasi ICT melalui penyediaan dan penggunaan pelbagai platform digital telah berjaya memudahkan langkah-langkah kawalan dan pencegahan wabak COVID-19, transaksi perniagaan secara meluas, penciptaan peluang-peluang pekerjaan baharu berteraskan teknologi digital, kelangsungan pengurusan pentadbiran kerajaan dan swasta, kesinambungan pembelajaran di institusi pendidikan dan banyak lagi. Kesemua ini terhasil melalui

kemahiran dan kreativiti mencipta sesuatu yang baharu sehingga teknologi digital kini menjadi satu keperluan dalam kehidupan seharian manusia.

8. Dalam pada itu, harapan rakyat ke atas penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan tentunya akan sentiasa meningkat. Saya yakin inisiatif pendigitalan menuju Kerajaan Pintar (Smart Government) oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh lima tahun mulai tahun 2020 mampu memenuhi tuntutan tersebut, selain menjadi pemacu pembangunan merentasi semua sektor. Sehubungan dengan ini juga, saya menyeru seluruh peringkat kepimpinan dan anggota perkhidmatan awam untuk terus memberi perkhidmatan terbaik demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Para Hadirin Sekalian,

IMPAK POSITIF PELAN PEMBANGUNAN SMJ

9. Saya bersyukur kerana pelan pembangunan yang komprehensif melalui Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0: 2021-2025) oleh Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah dan seluruh anggota Kabinetnya, kini telah menampakkan impak positif untuk manfaat kepada rakyat. Ini dapat dilihat melalui peningkatan jumlah pelaburan asing ke negeri ini dan pelaksanaan program-program pembangunan yang mencerminkan keprihatinan kerajaan kepada rakyat.

10. Saya menyeru semua pihak agar terus komited

untuk menyokong, melaksana dan menjayakan pelan pembangunan ini. Sesungguhnya, negeri Sabah merupakan sebuah negeri bertuah kerana dikurniakan kekayaan sumber asli, khazanah alam semulajadi, ditunjangi oleh rakyat pelbagai kaum yang hidup aman dan harmoni. Melalui kepimpinan Kerajaan Negeri yang berkesan dengan pelan pembangunan yang komprehensif, serta hubungan akrab dengan Kerajaan Persekutuan, saya penuh yakin Sabah akan terus berada di landasan yang tepat untuk mengecapi kemajuan dengan lebih pesat lagi. Saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa melimpahkan rahmat dan kurnia-Nya agar negeri Sabah khususnya dan negara kita amnya akan terus maju dan makmur.

PENUTUP

11. Akhir kata, pada hari yang penuh istiadat ini, saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat kepimpinan, baik di peringkat Negeri mahupun di peringkat Persekutuan serta seluruh rakyat atas ucapan tahniah dan doa sempena Hari Jadi Rasmi saya yang ke-69 pada hari ini.

12. Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh anggota perkhidmatan awam, pasukan-pasukan keselamatan, agensi-agensi penguatkuasa, sektor swasta dan semua pihak atas dedikasi dan sumbangan kepada kesejahteraan dan keamanan negeri ini. Demikian juga dengan pengorbanan dan komitmen semua petugas barisan hadapan yang terlibat dalam menangani pandemik COVID-19 di seluruh negeri. Semoga kita sentiasa berada di dalam rahmat dan lindungan Allah subhanahu

wata'ala jua.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.